

KERTAS 2
Markah Penuh : 110

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada :

- (a) Isi – 20 markah
- (b) Bahasa – 10 markah

- (a) **Isi [20 markah]**

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
 - nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata depan di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian		Markah										Markah
(i)	Pendahuluan											2
(ii)	Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii)	Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv)	Penutup/Kesimpulan											2
		Jumlah markah										20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan isi baik • Struktur ayat/tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan isi masih baik • Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan • Kosa kata masih memuaskan • Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Pendahuluan	Markah
Petikan membincangkan langkah/cara/tindakan menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan masyarakat di negara kita/di Malaysia.	2
Petikan membincangkan langkah/cara/tindakan menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti.	1
Petikan membincangkan usaha-usaha menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti.	0
Petikan membincangkan langkah/cara/tindakan menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti dan beberapa kesannya.	2
Rumusan ini membincangkan langkah/cara/tindakan menyemarakkan budaya inovasi dan kekangannya.	2

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

- Usaha-usaha menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti

- S1. Unit Inovasi Khas (UNIK), Jabatan Perdana Menteri, ditubuhkan pada Ogos 2010. 2
- S2. Pelancaran Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012. 2
- S3. Menjanakan modal insan yang berkompetensi dan mampu menguasai bidang sains dan teknologi. 2
- S4. Kerajaan turut menyediakan pengiktirafan untuk menggalakkan inovasi. 2
- S5. MOSTI sentiasa berusaha memberikan galakan kepada rakyat menerusi penyediaan pembiayaan dana. 2
- S6. Program Transformasi Ekonomi (ETP), Malaysia telah meletakkan inovasi sebagai pamacu pertumbuhan utama. 2
- S7. PM mencadangkan setiap kementerian dan agensi kerajaan menubuhkan satu unit inovasi khas. 2
- S8. Guru haruslah mempelbagaikan aktiviti pembelajaran yang memerlukan murid berfikir dengan kreatif. 2
- S9. Dengan adanya penyiaran rancangan TV realiti yang berbentuk inovasi, tahap kreativiti dan pemikiran rakyat Malaysia akan mampu ditanakkan setaraf dengan bangsa maju lain. 2
- S10. Pengiktirafan dan ganjaran yang sewajarnya haruslah diberikan kepada pereka cipta yang berjaya menghasilkan inovasi. 2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

- Kekangan terhadap usaha menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti

- | | | |
|-----|---|---|
| T1. | Kurang pengetahuan/ kesedaran. | 2 |
| T2. | Kurang pendedahan tentang budaya inovasi dan kreativiti. | 2 |
| T3. | Masyarakat Malaysia lebih gemar hidup dalam zon selesa tanpa sebarang perubahan. | 2 |
| T4. | Masyarakat Malaysia lebih suka menjadi masyarakat pengguna bukan masyarakat pencipta. | 2 |
| T5 | Tiada modal | 2 |
| T6 | Persepsi bahawa inovasi hanya untuk golongan bijak pandai/ahli sains/profesional | 2 |

***(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

Penutup

Kesimpulannya, budaya inovasi dan kreativiti ini haruslah diterapkan/diamalkan oleh semua sektor supaya negara tidak menghadapi risiko pada masa hadapan.

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a)	:	9 markah
Soalan 2 (b)	:	9 markah
Soalan 2 (c)	:	8 markah
Soalan 2 (d)	:	9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (**50%**) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat tidak gramatis	0

Soalan 2 (a) : Petikan Umum(i) Maksud *khazanah berharga*

- Harta/ aset bernilai 2
- Khazanah bernilai 1
- Harta/ aset berharga 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Kesan budaya inovasi dan kreativiti :

- P1** Malaysia tidak akan berhadapan dengan masalah ekonomi yang serius pada masa akan datang.
- P2** Malaysia kini berada di kedudukan ke-32 daripada 141 buah negara dalam kemajuan bidang inovasi.
- P3** Menghasilkan 310 produk daripada 1862 projek penyelidikan dan pembangunan melalui geran MOSTI dan berjaya dipasarkan di dalam dan di luar negara.
- P4** Hasil dan inovasi yang berguna kelak menjadi legasi dan khazanah berharga yang dikenang sepanjang zaman.

[Maksimum: 3 markah](iii) Pada pendapat saya, pihak sekolah wajar menubuhkan kelab kreativiti dan inovasi di sekolah kerana :

Sekolah merupakan institusi pendidikan/agensi kerajaan/menyahut seruan kerajaan/tempat pendidikan asas kepada murid – inovasi dan kreativiti perlu dipupuk sejak awal usia bagi membiasakan mereka dengan perubahan zaman.

Sekolah mempunyai kemudahan/prasarana/peralatan – melatih murid menjadi lebih kreatif.

Di sekolah ada guru /tenaga pengajar yang mahir – murid akan menjadi modal insan yang sentiasa berfikir, bercita-cita besar, berani dan yakin kepada diri sendiri.

[Maksimum: 4 markah]

***(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah]

- (iii) Pada pendapat saya, pihak sekolah tidak wajar menubuhkan kelab kreativiti dan inovasi di sekolah kerana :

Guru tiada kepakaran untuk menerapkan budaya inovasi dan kreativiti kepada murid-murid.

Sekolah tidak mempunyai kemudahan/prasarana/peralatan untuk melatih murid menjadi lebih kreatif.

Sekolah tiada modal.

[Maksimum: 4 markah]

***(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden

- (i) Nasib penjaga panggung baik kerana :

- dia sampai di panggung ketika para pelakon sudah selesai menjalani latihan 1
- dia dapat mendekati hero pujaannya 1
- dia dapat berjabat tangan dengan hero pujaannya 1
- dia dapat berbicara dengan hero pujaannya 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Pendapat :

- berpendidikan tinggi 1
- bersahsiah mulia/memiliki akhlak yang terpuji 1
- berpenampilan sopan 1
- tidak terlibat dalam kegiatan negatif 1
- sentiasa berusaha meningkatkan kualiti percapaiananya 1
- memiliki visi yang jelas dalam kerjaya 1
- mempunyai nilai tambah dalam bidang tertentu 1

[Maksimum : 3 markah]

***(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

(iii) Satu persoalan dalam petikan cerpen

- Amalan sikap berlapang dada 1
Cth : Si penjaga panggung menerima pandangan si hero dengan reda. 1
- Sikap merendah diri 1
Cth : Walaupun si hero sentiasa dipuji, dia tetap merendah diri. 1
- Tanggungjawab memikul amanah 1
Cth : Si hero mempamerkan mutu lakonan yang berkesan sebagai memikul amanah yang diberikan kepadanya. 1
- Tarikan artis pujaan 1
Cth : Si penjaga panggung sanggup datang ke panggung meskipun dia tidak bertugas pada waktu itu semata-mata ingin menemui hero pujaannya. 1

Satu persoalan dalam keseluruhan cerpen

- Sikap suka berangan-angan 1
Cth : Si penjaga panggung sentiasa berangan-angan untuk menjadi hero. 1
- Kesempitan hidup 1
Cth : Si penjaga panggung dan keluarganya hidup miskin dan hanya mampu tinggal di sebuah rumah kecil. 1
- Kepentingan menjadi diri sendiri 1
Cth : Hero meminta si penjaga panggung kembali kepada diri sendiri kerana kehidupan sebenar merupakan suatu kenyataan. 1
- Kesedaran untuk mengubah nasib diri 1
Cth : Isteri si penjaga panggung cuba menyedarkan suaminya bahawa pentas sandiwara tidak sama dengan pentas kehidupan yang sebenarnya. 1

[Maksimum : 4 markah]

***(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional**(i) Maksud :**

- | | |
|--|---|
| • perempuan/gadis/wanita/mendapatkan lelaki/jantan | 2 |
| • perempuan/gadis/wanita/mencari lelaki/jantan | 1 |
| • pergi mencari timba | 0 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Perkara yang dinyatakan :

- | | |
|---|---|
| • janganlah berkecil hati akan perbuatannya | 1 |
| • dia sudah tua | 1 |
| • penglihatannya sudah kabur | 1 |
| • pendengarannya sudah kurang | 1 |
| • dia tidak tahu bahawa Awang Sulung telah menyelamatkan mereka | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

[Lihat halaman sebelah]

(iii) Wajar

- kerana memelihara maruah dirinya 1
- kerana dia tidak mahu melanggar adat 1
- kerana dia mentaati perintah agama 1
- kerana dia mahu mengelakkan fitnah 1
- kerana dia berasa malu 1

Tidak Wajar

- sebagai anak, dia patut patuh kepada ayahnya 1
- perbuatannya itu akan melukakan hati/perasaan ayahnya 1
- dia tidak mahu digelar anak derhaka 1
- hubungannya dengan ayahnya akan dingin 1
- mesej daripada ayahnya tidak dapat disampaikan 1

[Maksimum : 3 markah]

*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2(d) : Gurindam**(i) Maksud :**

- | | |
|--|---|
| • usahlah/janganlah menangguhkan sesuatu kerja/tugas | 2 |
| • pintar/bijak/pandai menghargai masa | 1 |
| • kepentingan pengurusan masa | 1 |
| • sikap suka menangguhkan kerja/tugas | 1 |
| • masa itu emas | 0 |

(ii) Perkara yang mesti dilakukan :

- | | |
|-----------------------------------|---|
| • merancang perbelanjaan | 1 |
| • membuat perbandingan harga | 1 |
| • meneliti label sesuatu barang | 1 |
| • mengutamakan keperluan | 1 |
| • meneliti keadaan sesuatu barang | 1 |
| • membuat anggaran perbelanjaan | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

(iii) Dua pengajaran :

- Kita mestilah menghargai masa dengan melakukan perkara yang berfaedah. 2
- Kita hendaklah tekun dan gigih melakukan sesuatu pekerjaan demi mencapai kejayaan. 2
- Kita mestilah mengamalkan perbelanjaan berhemat supaya tidak berlaku pembaziran. 2
- Kita hendaklah bersabar dalam menghadapi pelbagai dugaan agar sesuatu masalah dapat diatasi dengan mudah. 2

[Maksimum : 4 markah]

*(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)

Soalan 3

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

- Soalan 3 (a) : 6 markah
Soalan 3 (b) : 6 markah
Soalan 3 (c) : 6 markah
Soalan 3 (d) : 6 markah
Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.
11. Nota: **-nya** boleh diterima (bukan imbuhan).

Jawapan 3 (a)

- (i) buka : ukuran panjang dan lebar sesuatu, luas
: jarak lintang sesuatu
- (ii) membukakan : membuka
: membuka untuk
- (iii) keterbukaan : perihal terbuka (hati), sikap berterus terang, perihal atau sikap sedia melayani atau menunjukkan minat kepada apa-apa sahaja pengaruh (unsur, rangsangan, dll)
- (iv) lalu : berjalan, melintas
: boleh masuk, telus, lulus
: yang sudah lepas (berlaku, lewat, dll), selesai, telah dibuat
: berdaya, sanggup, larat
: langsung, lanjut
: terus, hingga ke, langsung ke
: kemudian daripada itu, sesudah itu, segera
: lewat, sudah lampau
: tidak boleh ditebus kembali (barang gadaian dll)
- (v) melalukan : membiarkan lalu (lantas, masuk, dll), memasukkan, meluluskan
: menjalankan (cita-cita, apa-apa yang hendak dibuat, dll), mengerjakan
: membawa atau membuat terus, meneruskan
- (vi) keterlaluan : hal yang berlebih-lebihan, keadaan yang melampau, hal atau perbuatan yang melampaui batas (tatatertib dll)
: teramat sangat, terlalu, berlebih-lebihan, melampaui batas

[Maksimum : 6 markah]**Jawapan 3 (b)**

- (i) Rasuah merupakan penyakit sosial.
- (ii) Rasuah perlu dibanteras tanpa sebarang kompromi.
- (iii) Pihak yang terlibat dalam gejala ini perlu diheret ke muka pengadilan.
- (iv) Pihak yang terlibat dalam gejala ini perlu dikenakan hukuman berat.
- (v) Amalan buruk ini mendatangkan kemudarat kepada masyarakat.
- (vi) Amalan buruk ini mampu melumpuhkan ekonomi negara.

[Maksimum : 6 markah]**[Lihat halaman sebelah]**

Jawapan 3 (c)

- (i) menfaikan : memfaikkan
hakmilik : hak milik
- (ii) perkasakan : memperkasakan
syahsiah : sahsiah
- (iii) alami : mengalami
was-was : waswas

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d)

- (i) pekerja : penjawat
dari masa ke semasa : dari masa ke masa/dari semasa ke semasa
- (ii) tulus : telus
untuk : dalam
- (iii) pencatuan : pencatutan
pihak yang berwajib denda : didenda oleh pihak yang berwajib

[Maksimum : 6 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Jawapan 3 (e)

- (i) Kacang lupakan kulit

Maksudnya :

Lupa tentang asal usul.

Contoh ayat :

Kita janganlah bersikap seperti kacang lupakan kulit umpamanya melawan ibu bapa atau guru kerana mereka telah banyak berjasa kepada kita.

- (ii) Seperti lembu dicucuk hidung

Maksudnya :

Orang yang selalu mengikut kemahuan orang lain.

Contoh ayat :

Babu seperti lembu dicucuk hidung kerana dia tidak pernah membantah permintaan rakan-rakannya walaupun permintaan itu menyusahkannya.

- (iii) Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit

Maksudnya :

Sesuatu kejayaan berpunca daripada usaha secara kecil-kecilan yang akhirnya menjadi besar dan mencapai apa-apa yang dihajati.

Contoh ayat :

Mydin memulakan perniagaannya secara kecil-kecilan sebelum memiliki rangkaian pasar raya ternama kerana dia berpegang pada peribahasa sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit.

[Maksimum : 6 markah]

Nota :

Peribahasa mesti dimasukkan dalam ayat. Jika calon menulis lebih daripada satu ayat, boleh diterima dan diberikan markah seperti biasa.

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- 4 (a) i) Jawapan mesti berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
 ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 iii) Jawapan mesti meliputi pernyataan dan huraian.
 iv) Berikan 1 markah untuk pernyataan dan 1 markah untuk huraian yang lengkap/jelas.
 v) Berikan 0 markah untuk huraian yang tidak lengkap/tidak jelas.
 vi) Huraian tanpa pernyataan 0 markah.
 vii) Markah bagi 2 isi yang lengkap dengan huraian – maksimum 4 markah.
 viii) Maksimum markah bahasa 3 markah.
 ix) Markah bahasa diberi secara *impression* seperti yang berikut :

Baik	:	3 markah
Sederhana	:	2 markah
Lemah	:	1 markah

- x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 xi) Calon tidak menjawab, 0 markah.
 xii) Jika calon menjawab dalam bentuk poin, tolak 50% daripada markah keseluruhan.
 xiii) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti yang berikut :
 Contoh :

I = 4

B = 37

[Maksimum : 7 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 4 (b) i) Jawapan mesti berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
iii) Beri 1 markah untuk 1 isi (kritikan sosial) bagi setiap novel dan 2 markah untuk huraihan/contoh.
iv) Isi (kritikan sosial) tanpa huraihan/contoh – 1 markah.
v) Contoh/huraihan tanpa kritikan sosial – 0 markah.
vi) Markah bagi 2 isi yang lengkap dengan huraihan/contoh – maksimum 6 markah.
vii) Maksimum markah bahasa, 2 markah. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.
viii) Markah bahasa diberi secara *impression* seperti yang berikut :
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0 markah, berikan 1 markah untuk bahasa.
x) Calon tidak menjawab, 0 markah.
xi) Jika calon menjawab dalam bentuk poin, tolak 50% daripada markah keseluruhan.
xii) Tuliskan di bahagian bawah jawapan calon seperti yang berikut :
 Contoh :

I = 6

B = 2

8

[Maksimum : 8 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 4(a)**Teknik Plot novel Konserto Terakhir**

1. **Teknik pemerian** (teknik penceritaan secara langsung dalam novel. Pengarang berperanan sebagai tukang cerita atau tukang lapor secara menyeluruh tentang watak, perwatakan, latar tempat, latar masa, latar masyarakat dan lain-lain). Contohnya, Tujuh belas tahun lamanya dia tidak kembali ke kampungnya itu. Sejak bapanya meninggal dunia. Hari bapanya meninggal dunia dia hanya kembali untuk beberapa jam sahaja dan kemudian setelah mayat bapanya dikuburkan, dia pun pulang semula ke Kuala Lumpur.
2. **Teknik imbas kembali** (terkenang apa-apa perkara/peristiwa yang telah berlaku) Contohnya,
 - a. Hayati teringatkan malam sebelum dia bertolak dari London, dia bergaduh besar dengan Mohsin. Mohsin menganggap bahawa perbuatan Hayati hendak pulang ke Kuala Lumpur adalah gila dan sia-sia.
 - b. Datuk Johari teringatkan peristiwa perkahwinannya dengan seorang gadis di kampungnya. Isterinya itu diceraikan pada malam pertama perkahwinan mereka dan Datuk Johari bertolak ke Kuala Lumpur.
3. **Teknik monolog** (bercakap seorang-seorang / bersungut bersendirian). Contohnya,
 - a. Hilmi bercakap dengan bunga ros yang akan dipilihnya untuk menggantikan Hayati selama Hayati tiada.
4. **Teknik monolog dalaman** (dalam hati) pengucapan batin, fikiran. Contohnya,
 - a. Hati kecil Hilmi mengutuk-ngutuk marah ketika berhadapan dengan Datin Salmah yang mencerca, menghinanya setiap kali berjumpa.
 - b. Monolog dalam diri Datin Salmah yang mengakui akan budi baik orang kampung yang sanggup berkorban dengan menyimpan rahsia bahawa Hilmi ialah anak kandung Datuk Johari demi kebahagiaan rumah tangga Datuk Johari dengan Datin Salmah.

[Lihat halaman sebelah]

5. **Teknik dialog** : Perbualan antara watak

- a. Dialog Datin Salmah dengan Hilmi :

Datin Salmah memberitahu Hilmi bahawa mereka sekeluarga akan bercuti selama satu bulan dan Hilmi diarahkan untuk menjaga rumah kerana pembantu rumahnya juga diberi cuti dan dia akan balik ke kampung.

- b. Dialog Hilmi dengan Azizah :

Hilmi memberitahu Azizah bahawa dia mahu pulang untuk menunaikan solat dan bunga-bunganya belum disiram lagi.

6. **Teknik saspens**

- a. Antara peristiwa yang mengandungi unsur saspens termasuklah rancangan Hilmi setelah meninggalkan rumah Datuk Johari. Apabila Hilmi sudah tidak tahan dengan kerentah Datin Salmah, Hilmi meminta bantuan daripada Mamat untuk menulis surat kepada Datuk Johari bagi membolehkannya keluar dari rumah tersebut. Hilmi menaiki bas untuk pulang ke kampung. Dalam konteks tersebut, pembaca bertanya-tanya tentang pekerjaan yang akan dilakukan oleh Hilmi apabila tiba di kampung. Sebaliknya, semasa bas yang dinaikinya berhenti di Tanjung Malim, Hilmi menaiki teksi untuk kembali ke Kuala Lumpur. Pembaca bertanya-tanya sekali lagi tentang liku-liku hidup yang akan dilalui oleh Hilmi apabila dia tiba di Kuala Lumpur.
- b. Encik Bakar dipanggil oleh Persatuan Pemain-pemain Muzik Nasional. Encik Bakar telah melanggar arahan Persatuan Pemain-pemain Muzik Nasional kerana menggunakan khidmat Hilmi yang bukan ahli persatuan untuk mengadakan persembahan di Hotel Titiwangsa. Pembaca bertanya-tanya sama ada Encik Bakar akan dikenakan tindakan tatatertib atau tidak oleh jawatankuasa persatuan itu kerana melanggar arahan mereka.

8. **Teknik kejutan**

- a. Kemunculan Hayati dari London pada malam Pertunjukan Orkes Perdana dan memimpin orkestra untuk persembahan pada malam tersebut.
- b. Pak Karim memberitahu Datuk Johari bahawa Hilmi ialah anak kandung Datuk Johari dengan isteri pertamanya di kampung dahulu.

Teknik Plot Novel Papa ... (akhirnya kau tewas jual!)

1. Teknik dialog

Contohnya : Perbualan Jefri dengan Rasylan tentang latar belakang Rasylan. Rasylan memberitahu Jefri bahawa dia merupakan anak angkat Datuk Mustakim yang diambil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- 2. Monolog** – Tutur kata atau pengucapan oleh watak secara sendirian. Contoh: Jefri berkata kepada isterinya, Intan Maliana yang sedang koma bahawa Intan Julia telah mendapat keputusan SPM yang cemerlang dan dia hendak memohon kemasukan ke matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa untuk anak mereka itu.

3. Teknik saspens

- Ketika Intan Maliana berada di dalam bilik pembedahan di HUKM untuk melahirkan anak keduanya, pembaca tertanya-tanya tentang keselamatan Intan Maliana dan bayi yang bakal dilahirkannya. Pembaca juga ingin tahu sama ada Intan Maliana akan menghadapi komplikasi yang sama ketika melahirkan Intan Julia atau sebaliknya.
- Pembaca tertanya-tanya tentang kesudahan hubungan papa dan Aisyah. Intan Julia menentang hubungan itu dan melihat hubungan mereka itu sebagai tidak elok atau curang kerana mamanya masih hidup.

4. Teknik pemerian

Contohnya : Petang itu cuaca nyaman. Angin bertiup beralun lembut dan amat menyegarkan. Dengan rambutku yang ikal dan panjang mencecah bahu dan diikat ekor kuda dengan berseluar panjang dan berkemeja T, aku yang tadinya berbaring sebentar di atas tilam empuk bilikku turun dari tingkat atas menuju ke ruang dapur di tingkat bawah.

5. Teknik monolog dalaman

Intan Julia berkata dalam hati tentang perasaan mamanya jika mamanya tahu semua perkara yang berlaku.

6. Teknik imbas kembali

Mak Cik Noraini teringatkan keadaan fizikal Intan Julia sewaktu dia dilahirkan. Pada waktu itu, Intan Julia tidak boleh minum susu selain susu ibunya.

***(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

Soalan 4(b)**Kritikan Sosial/Kepincangan Sosial (Masyarakat)****Konserto Terakhir****1. Sikap masyarakat yang memandang rendah atas keistimewaan orang lain**

Datin Salmah tidak mengakui keistimewaan yang dimiliki oleh Hilmi dalam mengindahkan landskap di persekitaran rumah Datuk Johari walaupun keindahan tersebut mendapat pujian daripada rakan-rakan Datin Salmah.

2. Sikap masyarakat yang mementingkan status dan kedudukan sosial

Sikap ini telah jelas dipaparkan melalui watak Datin Salmah. Datin Salmah yang dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga kaya berasa amat bangga, sompong dan mementingkan kedudukan. Misalnya, Datin Salmah mahu orang menghormatinya, malah dia suka orang memanggilnya ‘Datin’ ketika menyapa dan berbual dengannya. Oleh itu, apabila Hilmi memanggilnya dengan panggilan Mak Cik Salmah, dia berasa tersinggung. Di samping itu, apabila Mak Cik Minah melayani Hilmi dengan baik dan menyapanya dengan menggunakan perkataan ‘Encik’, Datin Salmah memarahi Mak Minah sehingga Mak Minah melongo apabila mendengar kata-kata Datin Salmah. Oleh itu, didapati Datin Salmah bukan sahaja tidak mahu melayani Hilmi dengan baik, malah juga melarang pembantu rumahnya memberi layanan yang baik dan memanggil encik kepada Hilmi.

3. Sikap segolongan masyarakat yang terlalu mementingkan pangkat dan darjah

Datin Salmah sering menghina Hilmi kerana dia hanya mempunyai pendidikan setakat darjah empat sekolah Melayu. Dia tidak menyenangi kehadiran Hilmi yang datang dari kampung di rumahnya walaupun Hilmi merupakan anak saudara Datuk Johari. Datin Salmah juga sentiasa mencari peluang untuk mengusir Hilmi dari rumahnya selepas termakan hasutan kakaknya, Datin Laila demi menjaga maruahnya. Datuk Johari juga mengikut perangai isterinya itu dan berasa rendah diri kerana keluarga di sebelahnya tidak ada yang berpangkat besar. Hal ini menunjukkan sikap sesetengah masyarakat yang lebih mementingkan status daripada hubungan persaudaraan.

4. Sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab

Datuk Johari telah meninggalkan kampungnya bersama-sama surat perceraian untuk isterinya pada malam pertama perkahwinan mereka dan terus berhijrah ke Kuala Lumpur. Kesan daripada peristiwa ini ialah bapa Datuk Johari telah bergaduh besar dengan bapa bekas isteri yang ditinggalkan oleh Datuk Johari. Hubungan antara dua keluarga tersebut hampir pincang. Peristiwa ini menunjukkan sikap segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab yang boleh menjaskan hubungan kekeluargaan.

5. Sikap masyarakat yang suka menghasut

Apabila Mohsin yang sedang mengisi minyak motokar ternampak Hilmi sedang bekerja di stesen minyak, dia memburuk-burukkan Hilmi kepada tauke stesen minyak itu dengan mengatakan bahawa Hilmi pernah menjadi tukang kebun di rumah Datuk Johari, tetapi lari dari situ. Dia mengugut tauke stesen minyak itu supaya memecat Hilmi dan jika tidak, dia tidak akan mengisi minyak di situ lagi. Peristiwa ini menggambarkan sikap masyarakat yang suka menghasut dan menabur fitnah kepada orang lain demi kepentingan diri.

6. Gaya hidup masyarakat yang bersifat kebaratan

Datin Salmah sering menghadiri ‘morning coffee’ bersama rakan-rakannya, di samping mengingkari perintah Allah, contohnya tidak menunaikan solat.

7. Sikap suami atau isteri yang curang

Walaupun sudah bersuami, Hayati masih mencintai Hilmi. Dia telah menemui Hilmi sebelum ke luar negara bersama-sama suaminya, Mohsin.

8. Sikap sesetengah golongan masyarakat yang mempercayai perkara karut dan khurafat

Datin Salmah percaya bahawa Hilmi menggunakan ubat guna-guna terhadap Hayati sehingga Hayati begitu menyayangi Hilmi. Selain itu, Hayati mula menunaikan solat dan membaca buku agama.

9. Sikap isteri yang tidak menghormati suami

- Datin Salmah sering membangga-banggakan kekayaan keluarganya di hadapan suaminya.
- Datin Salmah membantah hasrat Datuk Johari yang ingin memberikan upah/gaji kepada Hilmi.

10. Sikap lupa daratan

Datuk Johari tidak pulang ke kampung setelah 17 tahun berkahwin dengan Datin

Salmah, malahan dia juga tidak menunaikan solat.

NOVEL PAPA

1. Masyarakat yang gagal mengawal hawa nafsu

Encik Muaz al-Khalibi telah gagal mengawal nafsunya lalu menodai pengemas biliknya sehingga wanita itu melahirkan anak di luar nikah.

2. Kes pembuangan bayi

Rasylan telah dibuang di tepi sebuah longkang besar ketika berusia tujuh bulan sebelum ibunya kembali ke Indonesia.

3. Sikap iri hati

Murni yang iri hati akan keistimewaan Intan Julia telah menghasut rakan sekelasnya yang lain agar memusuhi Intan Julia.

4. Dendam yang berpanjangan

Datuk Mustakim melanggar ibu bapa Jeffri ketika mereka pulang daripada menunaikan solat tarawih. Bapanya meninggal dunia manakala ibunya lumpuh. Jeffri berasa marah kerana Datuk Mustakim tidak berhenti selepas kemalangan itu walaupun Datuk Mustakim menanggung kos rawatan ibunya hingga ibunya meninggal dunia. Rasylan mencadangkan agar papa Julia, Jeffri bertemu dengan Datuk Mustakim tetapi papa Julia enggan.

5. Percaya tentang perkara karut

Mak Cik Noraini kurang senang akan tindakan papa yang menyediakan kelengkapan kelahiran bayi lebih awal, iaitu ketika kandungan mama baru berusia lima bulan kerana menurut kata orang tua-tua, perkara itu tidak baik.

6. Sikap cemburu

Rasylan berasa cemburu apabila melihat Julia disapa oleh pelajar *senior*.

7. Sikap suka memandang serong/rendah terhadap seseorang

Papa tidak suka akan Julia yang berkawan rapat dengan Rasylan lebih-lebih lagi setelah dia mendapat tahu latar belakang ibu bapa Rasylan yang tidak diketahui asal usulnya.

***(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT